

Tarikh Dibaca: 27 Mac 2026M / 7 Syawwal 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“PRINSIP KECUKUPAN DALAM ISLAM”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“PRINSIP KECUKUPAN DALAM ISLAM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا
نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Nahl: 114.

² Ali-Imran: 102.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**PRINSIP KECUKUPAN DALAM ISLAM**”.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Dunia hari ini sedang berhadapan dengan pelbagai ketidakpastian. Konflik dan peperangan di Timur Tengah dan Asia Barat bukan sahaja meragut nyawa dan memusnahkan harta benda, bahkan turut menjejaskan kestabilan ekonomi dunia. Pergolakan ini akhirnya memberi kesan kepada rantai bekalan tenaga, perdagangan antarabangsa serta hubungan ekonomi antara negara. Malaysia juga tidak terkecuali apabila berdepan kenaikan kos pengeluaran dan gangguan bekalan akibat sekatan mahupun perubahan dasar dalam perdagangan global.

Walaupun kesan yang dialami oleh negara kita masih lagi terkawal, namun umat Islam tidak boleh alpa. Kita mesti bersedia menghadapi sebarang kemungkinan, sama ada kesan secara langsung mahupun tidak langsung daripada peperangan tersebut. Justeru, prinsip *qana'ah*, iaitu merasa cukup dengan apa yang dikurniakan, mesti difahami sebaiknya dan diamalkan dalam kehidupan agar kita tidak dikuasai oleh keinginan yang tidak berkesudahan.

Kini, sebahagian negara pengeluar mula mengehadkan bekalan bagi memenuhi keperluan domestik. Dalam masa yang sama, gangguan akibat peperangan serta permintaan berterusan terhadap komoditi utama seperti minyak dan gas telah menyebabkan harga meningkat dan memberi kesan kepada rantai ekonomi global. Kesan ini akhirnya dirasakan oleh masyarakat apabila harga barangan terus meningkat, sedangkan kuasa beli semakin merosot.

Jika keadaan ini berterusan tanpa diimbangi dengan prinsip *qana'ah*, mungkin akan ada yang berdepan tekanan hidup akibat kuasa beli yang berkurang, ditambah dengan pembaziran dan beban kewangan yang semakin menekan.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Saidina Ali *Radiallahuanhu* pernah menjelaskan hakikat ketakwaan melalui kata-katanya yang masyhur, iaitu:

الْخَوْفُ مِنَ الْجَلِيلِ، وَالْعَمَلُ بِالتَّنْزِيلِ، وَالْقَنَاعَةُ بِالْقَلِيلِ،
وَالِإِسْتِعْدَادُ لِيَوْمِ الرَّحِيلِ

"Takut kepada Allah SWT Yang Maha Agung, beramal dengan petunjuk wahyu, berasa cukup dengan yang sedikit dan bersedia untuk menghadapi hari perpisahan (kematian)."

Antara ciri ketakwaan di sini ialah الْقَنَاعَةُ بِالْقَلِيلِ, iaitu merasa cukup dengan yang sedikit. Sesungguhnya, orang yang merasa cukup akan sentiasa bersyukur kepada-Nya. Sebaliknya, mereka yang menurut hawa nafsu tidak akan pernah puas walaupun memiliki harta yang banyak.

Kita perlu sedar bahawa Islam menekankan prinsip *qana'ah* ini dalam semua keadaan. Orang yang mengamalkan *qana'ah* adalah mereka yang hidupnya seimbang, dapat menunaikan ibadah dengan tenang dan mencari rezeki secara halal tanpa terjerumus kepada salah laku. Sebaliknya, manusia yang lalai daripada prinsip ini akan terus mengejar kehendak yang tidak berkesudahan. Akibatnya, wujud perbelanjaan yang berlebihan, komitmen yang tidak perlu, gaya hidup mewah yang membazir, malah ada

yang sanggup menyeleweng, melakukan rasuah dan salah guna kuasa semata-mata untuk memenuhi hawa nafsu.

Demikian juga dalam suasana perayaan Eidulfitri, prinsip *qana'ah* perlu terus diterapkan dan diamalkan sebagai tanda kejayaan tarbiah Ramadhan. Ya, sudah menjadi adat kita disajikan dengan pelbagai juadah dan majlis rumah terbuka yang meriah. Namun, di sinilah perlunya kawalan agar segala nikmat ini diurus dengan sederhana dan berhemah, tanpa berlebih-lebihan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 31:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ.

"Makanlah dan minumlah, tetapi janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas."

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Dalam Islam, soal keperluan hidup telah lama dijelaskan mengikut keutamaan. Ada *dharuriyyat*, iaitu keperluan asas yang mesti dipenuhi; *hajiyyat*, iaitu perkara yang menyempurnakan hidup manusia, dan *tahsiniyyat*, iaitu perkara yang sekadar memperelok kehidupan. Namun, apabila kita lihat gaya hidup hari ini, timbul persoalan sebenarnya berapa banyak perbelanjaan kita untuk keperluan, dan berapa banyak sekadar memenuhi kehendak dan keselesaan semata-mata?

Hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas *Radiallahuanhuma* bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda:

لَوْ كَانَ لِابْنِ آدَمَ وَادِيَانِ مِنْ مَالٍ لَابْتَغَى ثَالِثًا، وَلَا يَمْلَأُ جَوْفَ
ابْنِ آدَمَ إِلَّا التُّرَابُ، وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ تَابَ.

“Jikalau seseorang anak Adam mempunyai dua lembah harta, nescaya dia akan menginginkan lembah ketiga dan tidak akan diisi perut anak Adam kecuali tanah (setelah kematiannya). Dan Allah menerima taubat orang yang bertaubat.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadis ini mengingatkan kita bahawa manusia secara semula jadi sukar merasa puas jika menurut kehendak nafsu. Oleh itu, Islam mengajar kita mengambil dunia sekadarnya sebagai bekalan menuju akhirat, bukannya menurut hawa nafsu yang tidak pernah puas. Dalam pada itu, Islam tidak menghalang umatnya untuk berusaha menjadi kaya, menguasai ekonomi dan terus maju, selagi segala usaha dilakukan secara halal dan tidak membawa kepada pembaziran atau sikap tamak yang menghilangkan keberkatan rezeki Allah SWT.

Sidang Jumaat yang diraikan,

Selari dengan prinsip *qana'ah*, Islam tidak pernah mengajar umatnya hidup tanpa perancangan. Bahkan Rasulullah SAW sendiri memberikan teladan dalam mengurus kehidupan keluarganya.

Hadis yang diriwayatkan daripada Saidina Umar *Radiallahuanhu*, beliau mengatakan:

“Nabi SAW menjual kebun kurma Bani An-Nadhir dan menyimpan bekalan makanan untuk keluarganya bagi setahun.”

(Riwayat al-Bukhari).

Hadis ini menunjukkan bahawa Baginda SAW sendiri menyimpan bekalan makanan untuk keluarganya bagi tempoh setahun. Perbuatan ini bukan tanda kurangnya tawakkal, sebaliknya Baginda SAW mengajar kita berikhtiar membuat perancangan masa hadapan dan persediaan ketika senang sebelum datangnya waktu-waktu sukar.

Dalam keadaan dunia yang tidak menentu hari ini, prinsip *qana’ah* menjadi lebih relevan. Ia menjadi asas kepada sikap berjimat cermat khususnya dalam menguruskan harta dan perbelanjaan dengan bijak di samping menyimpan untuk keperluan masa hadapan dan membuat perancangan sewajarnya. Dengan cara ini, kita tidak hanya melindungi diri dan keluarga daripada kesan ketidakpastian ekonomi dunia, tetapi juga menunaikan amanah sebagai hamba Allah SWT dalam menguruskan rezeki kurniaan-Nya.

Saudaraku sidang Jumaat yang dihormati,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah menghayati dan mengamalkan prinsip *qana’ah*, iaitu merasa cukup dengan rezeki yang Allah SWT kurniakan di samping berusaha mengurus harta secara bijaksana, membezakan antara keperluan dan kehendak serta mengamalkan sikap berjimat cermat sebagai ikhtiar menghadapi ketidakpastian ekonomi dan cabaran kehidupan semasa.

2. Umat Islam hendaklah menyusun perbelanjaan dan simpanan dengan bijak sebagai persediaan menghadapi waktu sukar, serta tidak terpengaruh dengan gaya hidup orang lain.

3. Umat Islam hendaklah menjauhi pembaziran yang ditegah oleh syarak agar harta yang dikurniakan dapat dimanfaatkan secara berhemah dan membawa kebaikan kepada diri, keluarga dan masyarakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا.

"Dan orang-orang yang apabila mereka berbelanja, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak pula bakhil (kedekut), dan adalah perbelanjaan mereka itu sederhana di antara kedua-duanya."

(Surah al-Furqan: 67).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظَفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuamhum*, seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

⁴ Al-Furqan: 74.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.